

02/10/1997

Astaka berkonsep tradisional Terengganu

CANTIK ... pekerja Jabatan Kerja Raya (JKR) sibuk menyiapkan astaka tilawah al-Quran peringkat kebangsaan di Stadium Sultan Ismail Nasirudin Shah, Kuala Terengganu, semalam.

Astaka tilawah itu dibina menurut konsep senibina tradisional Terengganu di bawah seliaan JKR).

Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan kali ke 40 akan diadakan selama lima hari bermula 6 Oktober ini.

Seramai 29 qari dan qariah dari seluruh negara akan memperdengarkan bacaan ayat suci al-Quran sepanjang majlis itu.

Selain tilawah, pelbagai acara lain diadakan sempena majlis itu. Antaranya ialah seminar al-Quran dan klinik Fatihah.

Tilawah yang bertemakan Akhlak Mulia Umat Sejahtera itu akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim manakala penutupnya dilakukan Sultan Terengganu. Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad dijangka hadir di malam penutup.

(END)